

Kelab Akhbar Kebangsaan anjur bengkel media mengenai kewangan Islam

KUALA LUMPUR: Apa yang membezakan perbankan dan produk kewangan Islam daripada produk konvensional, akan menjadi antara topik yang akan dibincangkan esok di bengkel media anjuran Kelab Akhbar Kebangsaan (NPC) dengan kerjasama Maybank Islamic Bhd.

Presiden NPC, Datuk Mokhtar Hussain dalam satu kenyataan semalam berkata, bengkel media mengenai perbankan dan kewangan Islam itu turut menyaksikan Ketua

Pegawai Eksekutif Maybank Islamic Bhd, Datuk Muzaffar Hisham memberi gambaran menyeluruh mengenai industri

berkenaan di Malaysia.

Topik lain dibincangkan pada bengkel yang akan dihadiri 30 pengamal media, kebanyakannya wartawan perniagaan, termasuk ‘Kewangan Islam: Realiti Baharu, Peluang Baharu dan bagaimana kewangan Islam perlu berkembang.

‘Peluang Baharu’ selain petunjuk mengenai liputan perbankan dan kewangan Islam.

Penceramah termasuk Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic, Nor Shahrizan Sulaiman, yang akan menyentuh mengenai produk perbankan dan kewangan Islam dan Timbalan Dekan Pengajian Siswazah di Pusat Pendidikan dan

Kewangan Islam (INCEIF), Dr Mohd Eskandar Shah yang akan membincangkan pelbagai isu berkaitan ‘Kewangan Islam: Realiti Baharu, Peluang Baharu dan bagaimana kewangan Islam perlu berkembang.

Editor Kumpulan The Malaysian Reserve (Perkhidmatan Pemasaran Editorial),

Habhan Singh akan berkongsi pengalamannya dan memberi petunjuk mengenai liputan perbankan dan kewangan Islam.

Beliau juga mengendalikan blog mengenai kewangan Islam di islamicfinanceasia.blogspot.com. — Bernama